

07 JAN 1999

Anwar-Saman

SAMAN KERAJAAN: ANWAR FAILKAN MEMORANDUM RAYUAN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan memorandum rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membatalkan samannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia, bagi mencabar pemecatannya daripada kabinet pada 2 Sept lepas.

Anwar, 51, bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan, memfailkan memorandum rayuan itu menerusi peguamnya, Karpal Singh, di pejabat pendaftar Mahkamah Rayuan di sini pada pukul 2.05 petang.

Memorandum rayuan itu mengandungi tujuh alasan untuk menyokongnya.

Pada 23 Dis lepas, Hakim Datuk Mohamed Saari Yusoff membatalkan saman Anwar selepas memutuskan bahawa pemecatannya daripada kabinet adalah mengikut perlembagaan dan tidak melanggar Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Mohamed Saari membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Jabatan Peguam Negara untuk membatalkan saman Anwar, yang difailkan pada 4 Dis, atas alasan ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta satu penyalahan proses mahkamah.

Anwar memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya tidak mengikut perlembagaan dan bahawa Dr Mahathir telah melanggar Perkara 43 (5) semasa memecat beliau.

Beliau meminta mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya tidak sah dan batal serta tidak berkesan.

Anwar juga memohon satu pengisytiharan bahawa beliau masih lagi seorang menteri kabinet.

Antara alasan yang terkandung dalam memorandum rayuan itu ialah bahawa hakim tersebut (Mohamed Saari) didakwa telah tersalah dalam mendengar permohonan Anwar walaupun permohonan itu didaftarkan dengan sah untuk didengar oleh Hakim Datuk James Foong, khususnya, apabila tiada alasan sah diberikan oleh Mohamed Saari untuk berbuat demikian.

Mohamed Saari didakwa telah salaharahkan dirinya dengan serius daripada segi fakta dan undang-undang apabila menyimpulkan bahawa kes plaintif tidak mendedahkan kuasa tindakan yang munasabah dan sememangnya tidak dapat dipertahankan.

Sebaliknya Anwar mendakwa, kes itu bukan suatu yang boleh menemu suatu proses terus pembatalan di bawah Aturan 18, Kaedah 19, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980.

Mohamed Saari juga didakwa telah tersalah dalam menyimpulkan bahawa keperluan Perkara 43 (5) telah dipenuhi, apabila dengan jelas kedudukannya adalah sebaliknya.

Anwar mendakwa, dalam apa jua keadaan membatalkan tindakan beliau sebegitu sahaja telah menyebabkan suatu ketidakadilan yang jelas iaitu kedudukan beliau telah diburukkan lagi apabila dinafikan sara hidupnya, yang bertentangan dengan Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Mohamed Saari juga didakwa telah tersalah dalam tidak meneliti bahawa responden pertama iaitu Perdana Menteri Dr Mahathir telah dengan jelas menyalahgunakan kuasanya dalam melucutkan pelantikan Anwar sebagai menteri dan kemudiannya memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sebaliknya Anwar mendakwa sepatutnya Yang di-Pertuan Agong seorang sahaja yang mempunyai prerogatif untuk melucutkan pelantikan Anwar atas nasihat Dr Mahathir sebab Yang di-Pertuan Agonglah yang pada mulanya

melantik Anwar sebagai Menteri sejajar dengan Perkara 43 (1) (b) atas nasihat Dr Mahathir.

-- BERNAMA

KLS NMO